

Tubuh Suruhanjaya Pendidikan Diraja elak murid jadi `tikus makmal'



Malaysia perlu menubuhkan Suruhanjaya Pendidikan Negara agar dasar dan sistem pembelajarannya tidak kucar-kacir. - Gambar hiasan

- Oleh AHMAD FADHLULLAH ADNAN
- 18 Oktober 2022, 7:36 am

PETALING JAYA: Satu Suruhanjaya Pendidikan Diraja perlu ditubuhkan bagi dipertanggungjawab menyelia dasar pendidikan negara ini daripada terus berubah dengan sewenang-wenangnya. 'Penyakit' berkenaan perlu ditangani supaya anak-anak Malaysia tidak 'ditafsirkan' sebagai 'tikus makmal' disebabkan sistem pendidikan yang sering mengelirukan. Bercakap kepada Utusan Malaysia, Pensyarah Kanan Pusat Kajian Kepelbagaian Pendidikan, Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr. Anuar Ahmad berkata, ketika ini